

## **SIARAN BERITA**

### **Untung Pharmaniaga Meningkatkan 41% bagi TK2012**

#### ***Isytihar Terbitan Bonus dan Pembahagian Saham***

**KUALA LUMPUR, 18 Februari 2013** – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) telah mengakhiri tahun fiskal dengan kukuh apabila meraih keuntungan selepas cukai RM63 juta berbanding RM53 juta pada tahun sebelumnya. Jumlah ini merupakan peningkatan 19% bagi tempoh kumulatif 12 bulan berakhir 31 Disember 2012.

Keputusan positif ini dicapai berasaskan perolehan lebih tinggi berjumlah RM1.8 bilion bagi setahun penuh berbanding RM1.5 bilion yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelumnya. Pertumbuhan dipacu terutamanya oleh jumlah jualan lebih tinggi kepada pelanggan Kerajaan Kumpulan, selain daripada kecekapan operasi lebih baik di pasaran domestik dan juga luar negara.

Pharmaniaga mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM4 juta bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2012, manakala hasil meningkat sebanyak 31% kepada RM482 juta bagi suku tahun yang dilaporkan berbanding RM368 juta pada suku yang sama tahun sebelumnya. Bagi suku tahun yang dilaporkan, Kumpulan mencatatkan kerugian selepas cukai RM7 juta kerana penghapuskiraan muhibah dan berkurangan peruntukan cukai bagi tahun kewangan sebelumnya.

Sementara itu bagi tahun penuh, Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM103 juta, melonjak 41% berbanding RM73 juta yang dicatatkan tahun lepas. Pendapatan sesaham bagi tahun penuh meningkat kepada 52 sen berbanding 44 sen yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelumnya.

Sejajar dengan prestasi kukuh Kumpulan, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim keempat sebanyak 10 sen sesaham bagi suku keempat yang dilaporkan menjadikan keseluruhan dividen setakat ini berjumlah 35 sen. Dividen akan dibayar pada 27 Mac 2013 kepada pemegang saham dalam daftar pada 6 Mac 2013. Jumlah pengagihan bagi tahun yang dilaporkan ialah RM41 juta (2011: RM32 juta), dengan nisbah pembayaran 67% yang berpatutan.

Lembaga Pengarah juga telah mencadangkan pembahagian saham yang melibatkan pembahagian setiap satu saham biasa sedia ada bernilai RM1 setiap satu kepada dua saham biasa bernilai 50 sen setiap satu. Di samping itu, satu terbitan bonus saham biasa baru turut dicadangkan, membabitkan tawaran satu saham bonus untuk setiap 10 saham yang dibahagikan kepada pemegang saham di dalam daftar.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin, Pengerusi, Pharmaniaga Berhad berkata, "Memandangkan kami telah meningkatkan kecekapan operasi dan menjana pendapatan yang kukuh pada tahun yang dilaporkan, kami kini berusaha untuk meletakkan Pharmaniaga pada kedudukan lebih menarik bagi pemegang saham yang sedia ada dan juga bakal pemegang saham. Dengan pembahagian saham yang dicadangkan, kami menjangkakan tahap kecairan akan meningkat, dengan kemungkinan menarik pemegang saham baru. Sementara itu, terbitan bonus ini adalah satu lagi usaha untuk meningkatkan nilai untuk pemegang saham. Inisiatif korporat tersebut, yang dilaksanakan bersandarkan pendapatan kukuh kami, akan membuka laluan bagi prestasi yang lebih kukuh pada tahun kewangan yang mendatang."

Bahagian Pengeluaran terus berkembang maju, mencatatkan keuntungan berjumlah RM43 juta bagi setahun penuh berbanding RM14 juta bagi tempoh yang sama tahun lepas, memperlihatkan kenaikan ketara terutamanya kerana sumbangan daripada Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd dan juga kerana peningkatan tahap produktiviti dan kecekapan di kilangnya. Bahagian Logistik & Penedaran mencatatkan keuntungan lebih tinggi sebanyak RM 61 juta berbanding RM59 juta pada tempoh yang sama tahun lepas terutamanya kerana perniagaan konsesi, yang menjana jumlah jualan lebih tinggi dan mencapai peningkatan kecekapan operasi.

“Kami berharap untuk terus mengukuhkan perniagaan pada 2013. Tumpuan kami ialah untuk memanfaatkan peluang jualan dalam bidang pertumbuhan utama kami, khususnya sektor swasta. Selaras dengan ciri perniagaan kami, penyelidikan dan pembangunan adalah sebahagian penting daripada strategi kami dan senarai produk yang kini di peringkat pembangunan akan terus memacu pertumbuhan Kumpulan pada masa depan,” rumus YBhg Tan Sri Dato’ Seri Lodin.

#### **Kenyataan tinjauan masa depan**

Siaran ini mungkin mengandungi kenyataan tinjauan masa depan berhubung dengan keadaan kewangan, keputusan operasi dan perniagaan Kumpulan dan rancangan dan objektif tertentu Pharmaniaga Berhad berhubung dengan perkara ini. Berasaskan cirinya, kenyataan tinjauan masa depan membabitkan risiko dan ketidakpastian kerana hubung kaitnya dengan peristiwa dan keadaan yang akan berlaku pada masa depan dan terdapat banyak faktor yang boleh menyebabkan keputusan dan prestasi sebenar pada masa depan berbeza secara ketara daripada yang dinyatakan secara tersurat atau tersirat dalam kenyataan tinjauan masa depan ini.

*-tamat-*

Dikeluarkan bagi pihak: <b>Pharmaniaga Berhad</b> Oleh: <b>acorn communications sdn bhd</b> Untuk maklumat lanjut, sila hubungi <b>Roshen Dev</b> di <b>016 251 8694</b> atau <b>Syazwanee Ghazali</b> di <b>03 7958 8348</b> Atau hantar e-mel ke <a href="mailto:acorncommunications@acornco.com.my">acorncommunications@acornco.com.my</a>
---